

Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini. Kepada siapa yang meminatiinya silalah pula menyuntingnya.

Siyasah Mu'awiyah

Katanya: Saya tak menggunakan pedang selagi saya dapat menggunakan cabuk. Dan saya tidak akan menggunakan cabuk selagi saya dapat menggunakan lidah.

Kalaularah hubungan saya dengan orang-orang hanya sebesar rambut sekalipun, tidaklah akan terputus. Kerana jika mereka tarik, saya hulurkan. Dan jika mereka hulur, saya tarikkan.

* * *

Siyasah Sa'id bin Suwaid

Ketika beliau berucap di bandar Homs, di antara ucapannya sebagai berikut:

Para hadirin sekalian! agama Islam mempunyai tembok yang kukuh dan mempunyai pintu yang teguh. Temboknya ialah “kebenaran” dan pintunya ialah “keadilan”.

Islam akan tetap teguh selama pihak yang berkuasa (sultan) tidak berkeras. Bukanlah kekerasan sultan itu secara memenggal dengan pedang, atau memukul dengan cabuk, tetapi menghukum berdasarkan kebenaran, dan berdasarkan keadilan.

* * *

Tak ada perkara yang baik, melainkan disertakan....

Kata ahli hikmah:

Tak ada yang lebih berbahaya bagi pemerintah, jika pegawaiannya pandai bercakap tak pandai bekerja.

Tak ada kebaikan bercakap kecuali disertakan dengan kerja.

Tak ada kebaikan harta, kecuali disertakan dengan berderma.

Tak ada kebaikan bercakap benar, kecuali tidak disertakan dengan menepati janji.

Tak ada kebaikan orang yang tahu ilmu fikah, kecuali disertakan dengan bersifat warak.

Tak ada kebaikan bersedekah, kecuali disertakan dengan niat yang baik.

Dan tak ada kebaikan hidup, kecuali disertakan dengan badan yang sihat.

* * *

Sifat pemimpin yang adil

Al-Hassan al-Basri telah menulis surat kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz, menerangkan berkenaan sifat pemimpin yang adil, katanya dalam suratnya:

Wahai Amirul Mukminin! Sesungguhnya Allah *Subḥānahu wa Ta 'ālā* menjadikan pemimpin yang adil itu sebagai tiang penyokong segala yang condong, tempat

dituju orang yang zalim, memperbaiki segala yang rosak, menjadi tenaga kepada yang lemah, mengadili orang yang teraniyai, dan tempat berlindung orang yang sebal hatinya.

Pemimpin yang adil – wahai Amirul Mukminin!

ialah ibarat gembala yang mengasihi untanya, menjadi teman membawanya ke padang rumput yang paling subur, membelanya dari kebinasaan, melindungi daripada binatang-binatang yang buas, dan memeliharanya dari bahaya panas dan sejuk.

Pemimpin yang adil – wahai Amirul Mukminin!

ialah ibarat ayah yang mencintai anaknya. Dibelanya semasa kecil dan diajarnya sehingga besar. Dicarikannya nafkah semasa hidupnya dan disimpankannya untuk selepas ia mati.

Pemimpin yang adil – wahai Amirul Mukminin!

ialah ibarat ibu yang sayang lagi berbakti, yang lemah lebut terhadap anaknya, mengandung dengan kepayahan dan melahirkan dengan penderitaan. Dibelanya semasa budak, ikut berjaga semasa anaknya terjaga, dan ikut senyap semasa anaknya tak bergerak-gerak. Ada kalanya disusukannya dan ada kalanya diceraikan susu. Suka bila melihat dia sihat, dan duka bila ia mengadu sakit.

Pemimpin yang adil – wahai Amirul Mukminin!

ialah orang yang menjadi pemegang wasiat bagi si yatim, menjadi penjaga perbendaharaan bagi si miskin.

Menjadi pendidik bagi yang kecil dan memberi belanja bagi yang sudah besar.

Pemimpin yang adil – wahai Amirul Mukminin!

ibarat jantung yang berada di dalam rongga. Rongga menjadi baik kerana dia baik, dan menjadi rosak kerana dia rosak.

Pemimpin yang adil – wahai Amirul Mukminin!

ialah orang yang berdiri di tengah-tengah antara Allah dan manusia. Didengarnya kata-kata Allah dan didengarnya pula kata-kata mereka. Dilihatnya pengajaran Allah dan diperlihatkan pula kepada mereka. Dia patuh kepada Allah, dan bertugas memandu mereka.

* * *

Menjalankan polisi

Pada suatu hari Amirul Mukminin telah menulis surat kepada Ziyad, kandungan demikian:

Tidaklah seyoga kita menjalankan polisi kita terhadap rakyat dengan satu cara sahaja. Jangan kita semuanya berlembut, nescaya mereka berleluasa di dalam maksiat. Dan jangan pula kita semuanya berkeras, nescaya kita akan membawa mereka kepada kebinasaan. Engkau ambillah sikap yang keras dan kasar, dan aku pula mengambil sikap berlembut dan penyayang.

* * *

Menyimpan rahsia

Kata seorang ahli hikmah: “Dadamu adalah tempat yang paling lapang untuk menyimpan rahsiamu.”

Kata Amru ibn al-‘As: “Tak ada orang yang saya letakkan rahsia saya kepadanya lalu disiarkannya, malainkan saya telah mencelanya. Kerana saya berasa lebih sempit lagi dada saya daripada dia ketika disiarkannya rahsia saya itu.”

Kata al-Walid bin Utbah kepada ayahnya: Sesungguhnya Amirul Mukminin telah mempertaruhkan sesuatu rahsia kepada saya, adakah boleh saya ceritakan kepada ayahanda?

Utbah pun menjawab: Hai anakkku! Sesungguhnya sesiapa yang menyembunyikan rahsia, adalah baginya hak memilih. Tetapi janganlah engkau memilih menjadi hamba yang dimiliki sesudah engkau menjadi tuan yang memiliki!